

06 OCT 1997

RINGGIT: PERSATUAN BOHRA MUSLIM SOKONG MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Persatuan Dawoodi Bohra Muslim Selangor menyatakan sokongan penuh kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengemudi negara keluar dari krisis kejatuhan ringgit dan masalah ekonomi yang sedang dihadapi negara sekarang.

Dalam satu kenyataan, persatuan itu menggesa rakyat Malaysia supaya tidak menghiraukan khabar-khabar angin yang cuba memperburukkan Perdana Menteri.

Hanya kerana negara sekarang mengalami sedikit kesukaran Dr Mahathir tidak boleh dipersalahkan, katanya.

"Adalah perkara biasa bagi ekonomi meleset. Kenapa perlu kita tunduk kepada orang lain dan bersetuju dengan sentimen mereka terhadap Dr Mahathir," kata kenyataan itu merujuk kepada saranan media barat supaya Dr Mahathir meletak jawatan.

"Kita sepatutnya berhutang budi kepada Dr Mahathir di atas apa yang telah dilakukannya untuk negara dan imejnya selama 16 tahun lepas sejak beliau menerajui kerajaan."

Masanya telah tiba rakyat berada di sisinya ketika beliau mengemudikan negara keluar dari kemelut ini, kata kenyataan itu. -- BERNAMA

zks WAT